



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

20.10.2017

### TANDAKAN KALENDAR ANDA

**MAJLIS PENGIKTIRAFAN TADBIR URUS KORPORAT MSWG-ASEAN 2017  
AKAN DIADAKAN DI HOTEL MAJESTIC, KUALA LUMPUR  
PADA HARI RABU, 6 DISEMBER 2017**

Penemuan dan keputusan berkaitan tahap tadbir urus syarikat tersenarai awam Malaysia akan diumumkan diikuti dengan majlis penyampaian anugerah bagi mengiktiraf syarikat yang menunjukkan tahap amalan tadbir urus korporat yang tinggi.

Kami mengalu-alukan penyertaan dan sokongan anda pada majlis itu kelak.

---

### MSWG DALAM BERITA

**MSWG WANTS GOV'T TO 'FINALLY END' CASH INJECTION INTO PROTON**

<http://www.theedgemarkets.com/article/mswg-wants-govt-finally-end-cash-injection-proton>

---

### PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

#### **XINGHE HOLDINGS BERHAD ("XHB")**

Lembaga Pengarah XHB ("Lembaga Pengarah") mengumumkan syarikat itu bercadang untuk melaksanakan penempatan persendirian saham biasa baharu ("Saham") sehingga 10% daripada modal saham terbitan syarikat itu kepada pelabur yang akan dikenalpasti pada harga terbitan yang akan ditentukan ("Cadangan Penempatan Persendirian").

Lembaga Pengarah juga mengumumkan syarikat itu pada 16 Oktober 2017 telah menandatangani Perjanjian Kolaborasi dengan Jefe Aquatech Resources Sdn. Bhd. ("JAR") untuk menubuhkan sebuah syarikat di bawah nama "XingHe-Jefe Sdn. Bhd." atau nama lain yang dipersetujui bersama oleh XHB dan JAR dan diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bertujuan meneroka peluang perniagaan dalam pemprosesan tuna dan makanan laut lain ("Cadangan Kerjasama").

[Sumber: Pengumuman XHB di laman web Bursa Malaysia pada 16 Oktober 2017]

**KOMEN MSWG:**

Memandangkan kedua-dua pengumuman berkenaan Cadangan Penempatan Persendirian dan Cadangan Kolaborasi dikeluarkan pada hari yang sama, kami percaya Cadangan Penempatan Persendirian mungkin dibuat untuk menerbitkan saham baharu kepada rakan usahasama baharu iaitu JAR, merujuk pada Cadangan Kolaborasi.

Kami juga mendapati XHB mempunyai wang tunai yang besar iaitu berjumlah RM259.6 juta pada 30 Jun 2017 (merujuk pada laporan suku tahun kedua TK2017) dan mencatatkan nisbah penggearan yang rendah iaitu sebanyak 0.05 kali pada 31 Disember 2016 (seperti yang dinyatakan dalam pengumuman).

Oleh itu, kami tidak yakin dengan alasan yang dinyatakan dalam pengumuman iaitu “Cadangan Penempatan Persendirian akan mengumpul dana dengan cara yang cepat bagi memenuhi keperluan modal kerja/ pembiayaan untuk pelaburan masa depan atau projek perniagaan Kumpulan di Malaysia, tanpa perlu menanggung perbelanjaan faedah yang berkaitan pinjaman bank”.

Lembaga Pengarah perlu mempertimbangkan untuk menggunakan sepenuhnya wang tunai syarikat sedia ada yang berjumlah RM259.6 juta sebelum memilih untuk menjana wang tunai melalui penempatan persendirian yang melibatkan kos para pemegang saham. Ia juga bergantung pada jumlah wang yang mahu dijana oleh syarikat melalui penempatan persendirian yang dicadangkan. Tambahan pula, nisbah penggearan syarikat masih rendah.

#### TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 23 HINGGA 27 OKTOBER 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
23.10.17 (Isnin) 10.00 pagi	Berjaya Land Bhd (AGM)	Bukit Jalil Golf & Country Resort, Jalan Jalil Perkasa 3, Bukit Jalil
23.10.17 (Isnin) 10.00 pagi	Hong Leong Bank Bhd (AGM)	Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, KL
24.10.17 (Selasa) 11.00 pagi	Caring Pharmacy Group Berhad (AGM)	Bukit Jalil Golf and Country Resort, Jalan Jalil Perkasa 3, Bukit Jalil
25.10.17 (Rabu) 10.00 pagi	ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	Hotel Armada Petaling Jaya, Lot 6, Lorong Utara C, Section 52, PJ
25.10.17 (Rabu) 02.00 petang	Pensonic Holdings Bhd (AGM)	1165, Taman Perindustrian Bukit Minyak, Simpang Ampat, Penang
26.10.17 (Khamis) 10.00 pagi	Berjaya Corporation Bhd (AGM)	Bukit Jalil Golf & Country Resort, Jalan Jalil Perkasa 3, Bukit Jalil
26.10.17 (Khamis) 02.30 petang	Hong Leong Capital Bhd (AGM)	Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, KL
26.10.17 (Khamis) 04.00 petang	Hong Leong Financial Group Bhd (AGM)	Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, KL
27.10.17 (Jumaat) 03.00 petang	Plenitude Bhd (AGM)	Novotel Kuala Lumpur City Centre, No. 2, Jalan Kia Peng, KL
27.10.17 (Jumaat) 03.00 petang	Hong Leong Industries Bhd (AGM)	Wisma Hong Leong, 18 Jalan Perak, KL

#### Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu
----------	--------------

**Perkara penting untuk diajukan:**

Berjaya Land Bhd (AGM)	<p>Keuntungan sebelum cukai Perdana Hotel Philippines Inc (“PHPI”) merosot 91% kepada 0.3 juta Peso berbanding 3.9 juta Peso pada tahun kewangan sebelumnya disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada bilik hotel serta perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.</p> <p>Bolehkah Lembaga Pengarah mengulas tentang prestasi PHPI untuk TK2018?</p>
Hong Leong Bank Bhd (AGM)	<p>Sila maklumkan strategi bank untuk mengekalkan nisbah margin faedah bersih (NIM) dan pendapatan faedah bersih (NII) di atas 2.1% dan kira-kira 26%, melihat pada keperluan pembiayaan semasa dan dinamik pasaran.</p> <p>Platform digitalisasi adalah penting untuk transformasi bank. Sila huraikan anggaran perbelanjaan modal yang diperuntukkan kepada pendekatan ini dan apakah kesannya terhadap keseluruhan rangkaian cawangan bank, saiz tenaga kerja dan set kemahiran untuk mencapai matlamat ini.</p>
Caring Pharmacy Group Berhad (AGM)	<p>1) Baru-baru ini Kumpulan telah melancarkan produk baharu di bawah jenama “Herbs of Gold” dan “Linola”.</p> <p>(i) Mohon terangkan secara ringkas kepada pemegang saham tentang status produk baharu ini dan sumbangan yang diharapkan kepada perniagaan Kumpulan.</p> <p>(ii) Adakah Kumpulan akan melancarkan produk baharu lain pada tahun kewangan ini?</p> <p>(iii) Adakah Syarikat akan memperkenalkan produk super premium baharu yang memenuhi keperluan pengguna muda dan wanita yang mempunyai kuasa penggunaan tinggi?</p> <p>2) Berapakah anggaran jumlah perbelanjaan modal yang diperuntukkan untuk 2017 dan bagaimanakah ia dibiayai, selaras dengan pertambahan kira-kira 10 hingga 12 cawangan dengan tumpuan di luar kawasan Lembah Klang?</p>
ES Ceramics Technology Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan penurunan keuntungan selepas cukai pada tahun kewangan lepas. Apakah langkah yang diambil untuk menangani prestasi Kumpulan yang semakin merosot ini dan bilakah Kumpulan menjangkakan perubahan dalam prestasi?</p>
Pensonic Holdings Bhd (AGM)	<p>Penjualan eksport Syarikat menurun 15.9% dengan penurunan permintaan dari luar negara di Timur Tengah disebabkan peraturan import baharu yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan.</p> <p>Adakah Syarikat menjangkakan tambahan penurunan dalam jualan eksport pada TK2018 dan apakah jangkaan penurunan dari segi peratusan?</p>
Berjaya Corporation Bhd (AGM)	<p>Apakah langkah yang diambil untuk menangani prestasi kewangan operasi Cosway yang semakin merosot dan bilakah operasi Cosway dijangka mencatatkan pertumbuhan dan keuntungan?</p>
Hong Leong Capital Bhd (AGM)	<p>Kami mendapati nisbah pinjaman terjejas kasar merosot kepada 4.9% pada 2017 berbanding purata 0.2% dalam tempoh tiga tahun kewangan sebelum ini seperti yang ditunjukkan dalam Sasaran Kewangan Lima Tahun Kumpulan. Sila jelaskan dan adakah akan ada pertambahan kemerosotan kualiti aset dalam kedudukan kewangan bagi suku tahun pertama 2018?</p>
Hong Leong Financial Group Bhd (AGM)	<p>Sila berikan komen tentang kenyataan yang dibuat pada muka surat 30 iaitu syarikat akan mempertimbangkan untuk menaikkan modal alternatif bagi mematuhi tarikh akhir rangka kerja syarikat pemegang kewangan pada 1 Januari</p>

Perkara penting untuk diajukan:	
	2019.
Plenitude Bhd (AGM)	<p>Kumpulan berharap untuk meningkatkan hasil daripada bahagian hospitaliti selepas kerja menaiktaraf dan pembaikpulihan besar yang dijalankan di Novotel KLCC dan Bangsar Residences.</p> <p>(i) Berapakah jumlah yang dibelanjakan untuk kerja-kerja membaik pulih Novotel KLCC dan Bangsar Residences?</p> <p>(ii) Berapa lamakah jangka masa kerja-kerja pengubahsuaian ini dan bilakah jangkaan tarikh siap?</p> <p>(iii) Adakah kerja-kerja pengubahsuaian menjejaskan kadar penghunian hartanah?</p>
Hong Leong Industries Bhd (AGM)	<p>Analisis dan Perbincangan Pengurusan (MD &amp; A) melaporkan HLY Marine Sdn Bhd (“HLY”), anak syarikat milik penuh Syarikat menandatangani perjanjian dengan Yamaha Motor Co. Ltd (“YMC”) yang mana HLY dilantik sebagai pengedar dan penjual semula eksklusif bagi produk motor sangkut Yamaha.</p> <p>(i) Bolehkah Lembaga Pengarah jelaskan kepada para pemegang saham tentang pengaturan eksklusif dalam perjanjian itu?</p> <p>(ii) Selain 35 tawaran yang meliputi jualan, perkhidmatan dan alat ganti produk motor sangkut Yamaha, apakah strategi dan rancangan perniagaan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah untuk HLY?</p> <p>(iii) Memandangkan perniagaan Kumpulan sebahagian besarnya di Malaysia iaitu sehingga 85% daripada 81% pada tahun sebelumnya, dalam pasaran manakah HLY mahu memperluaskan produk motor sangkut Yamaha ini?</p> <p>(iv) Apakah jangkaan sumbangan HLY kepada pendapatan dan keuntungan Kumpulan untuk TK2018 dan seterusnya?</p>

## Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat [elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my)

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat [farisyusof@mswg.org.my](mailto:farisyusof@mswg.org.my)

### PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mSWG.ceo@mSWG.org.my](mailto:mSWG.ceo@mSWG.org.my).

---

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*